

Faktor Masalah Bacaan Murid Disleksia dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu

(Factors of Dyslexia Student's Reading Problems in Malay Language Subjects)

¹NURUL HUSNA JAMIL & ²NUR FARAHKHANNA MOHD ROSLI

^{1,2}Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

nurulhusnajamil23@gmail.com & farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

Dihantar: 10 Januari 2025 / Diterima: 1 Mac 2025

Koresponden e-mel: farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

Abstrak: Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan masalah bacaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid disleksia. Seramai lima orang murid disleksia yang berumur antara tujuh hingga 14 tahun yang terdiri daripada kedua-dua jantina dan pelbagai bangsa telah dipilih sebagai responden. Kelima-lima responden kajian dipilih dari tiga buah sekolah kebangsaan rendah di Perak. Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan pemerhatian dalam proses pengumpulan data dengan melibatkan instrumen seperti borang maklum balas. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga faktor masalah bacaan murid disleksia yang diketengahkan, iaitu (i) faktor diri sendiri, (ii) faktor ibu bapa/penjaga, dan (iii) faktor persekitaran. Majoriti responden menghadapi masalah bacaan kerana tidak tahu membaca, tidak gemar membaca, merasa bosan ketika membaca dan tidak mengulang kaji di rumah. Hal tersebut membuktikan bahawa murid-murid tersebut tidak mempunyai semangat dan motivasi dalam diri masing-masing. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan ibu bapa/penjaga tidak memantau bacaan anak-anak di rumah dan tidak menghantar anak-anak ke kelas tambahan. Ibu bapa sewajarnya memantau pelajaran anak-anak bagi memastikan mereka mendapat pendidikan yang terbaik. Namun demikian, sekiranya ibu bapa tidak mempunyai masa yang panjang kerana tuntutan kerja, ibu bapa boleh menghantar anak-anak ke kelas tambahan. Selain itu, faktor persekitaran yang mempengaruhi murid disleksia ialah mereka lebih gemar menonton televisyen berbanding membaca bahan-bahan ilmiah. Implikasinya, kajian ini dapat menghuraikan faktor-faktor yang menjadi punca masalah bacaan murid disleksia dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kata Kunci: Disleksia, Masalah Bacaan, Faktor, Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Abstract: This paper aims to identify the factors contributing to reading difficulties in Malay language among dyslexic students. A total of five dyslexic students, aged between seven and 14 years old, representing both genders and various ethnic backgrounds, were selected as respondents. All five study respondents were chosen from three primary national schools in Perak. This study is qualitative survey research. Data collection methods included literature review and observation, using instruments such as feedback forms. The findings reveal three main factors contributing to reading difficulties among dyslexic students: (i) personal factors, (ii) parental/guardian factors, and (iii) environmental factors. The majority of respondents struggled with reading due to lack of reading skills, a dislike for reading, boredom during reading, and the absence of study habits at home. This indicates that the students lack personal motivation and enthusiasm. The study also found that most parents/guardians do not monitor their children's reading at home and do not send them to supplementary classes. Ideally, parents should monitor their children's education to ensure they receive the best possible education. However, if parents do not have sufficient time due to work commitments, they could consider sending their children to extra classes. Moreover, an environmental factor influencing dyslexic students is their preference for watching television over reading academic materials. The implications of this study clarify the factors causing reading difficulties in Malay language subjects among dyslexic students.

Keywords: Dyslexia, Reading Problem, Factor, Malay Language Subjects

PENGENALAN

Disleksia merupakan sejenis masalah pembelajaran khusus yang dihadapi oleh sebilangan kanak-kanak. Kanak-kanak yang menghidap disleksia mempunyai masalah seperti kesukaran menguasai pembelajaran di sekolah walaupun mereka telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memahami isi pengajaran yang disampaikan. Mereka juga mempunyai keupayaan intelektual yang normal dan mendapat rangsangan serta panduan pembelajaran yang tersusun dan mencukupi. Namun demikian, mereka mempunyai masalah khusus seperti perbezaan fungsi (otak kiri dan kanan) dan cara otak mereka berfungsi dalam menghubungkan simbol visual dengan bunyi. Walau bagaimanapun, setelah kanak-kanak ini meningkat umur dan menjejaskan kaki ke alam persekolahan, ibu bapa dan guru boleh mengenal pasti tanda disleksia melalui keupayaan membaca murid-murid, iaitu gagal membaca dengan baik (Sepriani Timurtini 2022).

Di Malaysia, disleksia diklasifikasikan sebagai masalah pembelajaran khusus yang bermaksud individu yang telah mendapat pengesahan daripada pakar perubatan dan disahkan menghidap disleksia. Individu tersebut juga berhak mendapatkan bantuan khas dalam pendidikan (Bahagian Pendidikan Khas 2018). Cabaran utama murid disleksia adalah kelemahan dalam membezakan huruf dan membunyikan huruf kerana mereka mengalami kekeliruan bentuk huruf. Oleh

yang demikian, masalah ini menimbulkan idea untuk meneliti faktor masalah bacaan murid disleksia khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Sekiranya masalah ini dianggap normal atau tidak ditangani segera, mereka akan ketinggalan jauh dan tidak dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik (Sepriani Timurtini 2022).

Murid yang mengalami masalah disleksia perlu berada dalam persekitaran bahasa yang baik dan perlu didedahkan kepada aktiviti bahan bacaan (Blagovesta, 2016). Dalam pada itu, guru Pendidikan Khas boleh menggunakan teknik bacaan secara mengimbas dan *skimming* (teknik membaca dalam jumlah kecil dari keseluruhan teks) agar murid dapat meningkatkan kemahiran membaca sekaligus memahami bahan bacaan tersebut. Secara umumnya, masalah pembelajaran dikaitkan dengan pembangunan neurologi yang mempengaruhi keupayaan individu memproses, menyimpan dan menghasilkan semua maklumat (Ugwu, 2015). Oleh itu, kecelaruan pembelajaran memberi impak kepada proses kognitif kanak-kanak disleksia. Persatuan Disleksia Antarabangsa (The International Dyslexia Association, IDA) menganggarkan bahawa hampir 15 peratus hingga 20 peratus penduduk dunia mengalami sekurang-kurangnya satu atau lebih simptom disleksia (Kavenia & Vijayaletchumy 2022).

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang menyebabkan masalah bacaan murid disleksia. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Azmi Matsuki (2022) menyatakan bahawa salah satu faktor masalah bacaan murid disleksia adalah kerana kurangnya kesedaran dalam diri ibu bapa yang mempunyai anak disleksia. Oleh kerana murid-murid disleksia mempunyai kecerdasan yang hampir sama dengan kanak-kanak normal, tidak ramai ibu bapa yang menyedari masalah ini. Program sokongan emosi dan perkhidmatan nasihat serta kaunseling kepada keluarga yang mempunyai anak-anak disleksia perlu diperbanyakkan. Program tersebut dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa. Ini dapat mengelakkan ibu bapa berasa malu dan rendah diri sekiranya mempunyai anak-anak disleksia.

Terdapat ibu bapa yang baru mengetahui anak mereka menghidap disleksia tidak dapat menerima kenyataan serta berusaha mencari helah bagi membuktikan anak mereka normal seperti anak-anak yang lain. Mereka berasa sedih, kecewa dan takut untuk menerima kenyataan tersebut. Ada yang beranggapan bahawa anak-anak ini tidak boleh pulih serta akan disisihkan apabila berada di kelas Pendidikan Khas. Akibatnya, murid disleksia tidak mendapat bantuan sepatutnya dalam mengatasi masalah bacaan mereka. Mereka tidak ditempatkan

di kelas Pendidikan Khas kerana ibu bapa enggan melepaskan mereka ke sana dengan alasan menjaga air muka (Mohd Azmi 2022).

Masalah ini dikukuhkan lagi dengan kajian oleh Zaliza et al. (2014) yang menyatakan bahawa murid disleksia sering kali disalah anggap oleh sesetengah masyarakat khususnya segelintir ibu bapa di luar bandar yang telah pasrah kepada takdir bahawa anak mereka dilahirkan sebagai insan istimewa dan tidak dapat diubah. Hal ini demikian kerana sesetengah ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan atau pendedahan mengenai masalah pembelajaran yang boleh menimpa kanak-kanak. Mereka beranggapan bahawa masalah tersebut tidak mempunyai jalan penyelesaian atau mereka sukar menerima keadaan anak-anak mereka kerana menganggap ia merupakan satu perkara yang mengaibkan dalam kalangan masyarakat.

Menurut Mohd Razimi et al. (2020), terdapat isu penyalahgunaan kewangan, iaitu wang elaun yang diberikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Ada ibu bapa yang menggunakan wang elaun tersebut untuk urusan peribadi dan kemudahan keluarga masing-masing. Perkara sedemikian tidak seharusnya berlaku kerana ibu bapa perlu bertanggungjawab dengan menjaga wang saku yang diberi oleh kerajaan sebaiknya. Terdapat juga elaun khas yang diberikan oleh kerajaan kepada guru-guru

Pendidikan Khas atas kesabaran dan ketabahan menghadapi kerenah anak murid khas di sekolah. Elaun ini sering kali diambil kesempatan oleh pihak tertentu. Sebagai contoh, guru-guru aliran perdana yang memohon masuk ke aliran pendidikan khas dengan bertujuan mendapatkan elaun khas itu bagi tujuan kepentingan diri. Rentetan itu, kualiti dalam

proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang sepatutnya dilaksanakan semakin kurang. Kesannya, pengabaian terhadap murid-murid khas berlaku akibat sikap guru yang berkerja semata-mata untuk mendapatkan elaun sahaja (Mohd Razimi et al. 2020).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan faktor masalah bacaan murid disleksia dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif. Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam mengumpul data, iaitu kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan meneliti bahan-bahan ilmiah seperti tesis, jurnal, buku, dan artikel yang telah diterbitkan bagi memahami setiap aspek yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Data dan bahan yang diperolehi melalui kajian terdahulu membantu dalam mengenal pasti kelompangan yang mendorong pembentukan permasalahan kajian, objektif kajian serta sebagai tambahan terhadap sebarang maklumat yang berkaitan dengan isu yang dikaji. Kaedah pemerhatian juga digunakan untuk menjawab objektif kajian ini, iaitu faktor masalah bacaan murid disleksia. Oleh kerana murid-murid tersebut tidak lancar membaca, pengkaji membantu dengan membacakan soalan dalam ayat yang mudah difahami dan mencatat jawapan yang diberikan oleh mereka. Oleh yang demikian, proses pengumpulan

data akan menjadi lebih mudah dan tidak mengambil masa yang panjang.

Kajian ini memilih lima orang murid disleksia antara umur tujuh hingga 14 tahun yang terdiri daripada kedua-dua jantina dan pelbagai bangsa. Murid-murid ini daripada Sekolah Kebangsaan Seri Kepayang, Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Taiping, dan Sekolah Kebangsaan Sultan Yussuf. Pemilihan ini dilakukan bertepatan dengan objektif menghuraikan faktor masalah bacaan Bahasa Melayu murid disleksia. Murid-murid ini mempunyai tahap masalah bacaan yang berbeza. Ada antara mereka yang sudah lancar membaca tetapi masih melakukan kesilapan dan ada juga yang mengambil masa yang panjang untuk membaca sesuatu perkataan mudah dan kompleks atau ayat yang panjang. Proses penganalisan dilakukan dengan mendengar rakaman audio secara berulang kali dan melakukan pengelasan jawapan responden berdasarkan faktor-faktor masalah bacaan murid disleksia bagi setiap responden.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan analisis bagi objektif yang dinyatakan sebelum ini, iaitu menghuraikan faktor masalah bacaan murid disleksia. Perbincangan akan dilakukan satu persatu mengikut tiga aspek yang merangkumi faktor masalah bacaan murid disleksia, iaitu (i) faktor diri sendiri, (ii) faktor ibu bapa/penjaga, dan (iii) faktor

persekitaran. Pemilihan tiga faktor utama dalam kajian ini berpaksikan kepada Model Sistem Ekologi yang diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner 1979 (Guy-Evans 2024). Model ini menekankan bahawa kemahiran membaca dipengaruhi oleh interaksi antara pelbagai lapisan persekitaran yang saling berkaitan.

Faktor Diri Sendiri

Faktor diri sendiri dikaitkan dengan mikrosistem, iaitu merujuk kepada persekitaran terdekat yang memberi kesan langsung kepada individu. Terdapat empat aspek yang merangkumi faktor diri sendiri,

Kebolehan Membaca

Berdasarkan Jadual 1 dan Rajah 1, M1, M2, dan M5 menyatakan bahawa mereka tidak tahu membaca manakala M3 dan M4 menyatakan bahawa mereka tahu membaca tetapi tidak begitu lancar.

iaitu (i) kebolehan membaca, (ii) keseronokan membaca, (iii) daya tumpuan ketika membaca, dan (iv) ulang kaji. Berikut adalah hasil dapatan kajian mengikut aspek-aspek tersebut.

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji menyimpulkan terdapat dua pola yang berkaitan, iaitu (i) tidak tahu membaca dan (ii) tidak lancar membaca. Murid disleksia yang mengalami kesukaran membaca biasanya kurang keyakinan tentang kebolehan diri dan mempunyai perasaan

rendah diri. Jika motivasi dalam diri mereka kurang, maka mereka akan sentiasa mempunyai perasaan negatif terhadap diri sendiri dan kesannya mereka lebih sukar menguasai kemahiran membaca.

Menurut Suzita dan Aliza (2021), kanak-kanak disleksia mempunyai emosi negatif terhadap imej diri, hubungan dengan rakan sebaya, keluarga dan interaksi sosial. Dalam interaksi sosial, kanak-kanak disleksia kekurangan kemahiran sosial kerana mengalami tekanan emosi atau perasaan rendah diri. Mereka mempunyai banyak masalah tingkah laku

dan keperibadian adaptif sosial. Oleh yang demikian, perasaan negatif atau kurang keyakinan terhadap kebolehan diri perlu disingkirkan dengan bantuan orang sekeliling. Ibu bapa khususnya perlu memberi motivasi seperti memuji apabila anak membaca dengan betul atau memberi ganjaran sekiranya keputusan yang diperoleh meningkat daripada sebelumnya. Ibu bapa dan guru perlu menasihati dan memberi semangat dalam diri dan minda anak-anak bahawa mereka mampu membaca dengan lancar dan berjaya seperti kanak-kanak lain.

JADUAL 1: Kebolehan membaca

Murid	Ya	Tidak
M1		✓
M2		✓
M3	✓	
M4	✓	
M5		✓



RAJAH 1: Kebolehan membaca

Keseronokan Membaca

Jadual 2 dan Rajah 2 menunjukkan bahawa M1, M2, dan M5 tidak gemar membaca manakala M3 dan M4 menyatakan sebaliknya, iaitu mereka suka membaca. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden yang terdiri daripada murid disleksia tidak gemar dengan aktiviti membaca. Hal ini dikatakan demikian kerana kurangnya motivasi membaca dalam diri dan ia berkaitan dengan sikap dan kebolehan diri individu itu sendiri. Motivasi merupakan keadaan dalaman yang menggerakkan dan memberi arah kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Menurut kajian Anis Farhana et al. (2019), motivasi merupakan elemen yang penting dalam diri seseorang dalam apa jua aspek kehidupan termasuk dalam aktiviti membaca. Terdapat dua jenis motivasi, iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Apabila seseorang itu melakukan sesuatu aktiviti disebabkan faktor dalaman, seperti minat dan perasaan terhadap

aktiviti tersebut, ia dikenali sebagai motivasi intrinsik. Manakala motivasi ekstrinsik berkaitan dengan faktor luaran yang mendorong individu untuk mencapai matlamat tertentu seperti ganjaran (Siti Hawa & Nur Husna 2019).

Disleksia menyebabkan murid-murid ini membaca dengan lebih perlahan dan penuh cabaran. Hal demikian menyebabkan mereka berasa kecewa, hilang keyakinan diri dan enggan melakukan aktiviti bacaan. Oleh yang demikian, dapat kita simpulkan bahawa murid disleksia kurang motivasi intrinsik kerana mereka kurang minat terhadap membaca. Hal ini berlaku kerana mereka tidak menguasai kemahiran membaca dengan lancar dan akhirnya mereka berasa penat dan tidak berminat meneruskan bacaan. Murid disleksia memerlukan sokongan dari orang sekeliling dan pendekatan yang lebih mesra untuk membantu mereka membina keyakinan diri dan mengembangkan minat membaca secara beransur-ansur.

JADUAL 2: Kesononokan membaca

Murid	Ya	Tidak
M1		✓
M2		✓
M3	✓	
M4	✓	
M5		✓



RAJAH 2: Kesononokan membaca

Daya Tumpuan ketika Membaca

Berdasarkan Jadual 3 dan Rajah 3, majoriti responden, iaitu M1, M2, M4, dan M5 mudah hilang fokus dan merasa bosan ketika membaca. Namun demikian, M3 menyatakan bahawa aktiviti membaca tidak membosankan. Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa faktor dalaman seperti mudah hilang daya tumpuan ketika membaca berpunca daripada beberapa kemungkinan seperti bahan bacaan yang tidak menarik, tiada unsur hiburan dalam bahan bacaan, atau tiada sokongan dari luar untuk membaca. Kajian yang dijalankan oleh Castle (2015) mendapati bahawa kanak-kanak lebih bermotivasi untuk membaca sekiranya mereka diberi peluang untuk memilih bahan bacaan yang digemari. Apabila topik atau genre bacaan sesuai dengan

minat mereka, motivasi dalaman mereka untuk membaca akan meningkat walaupun mereka mengalami kesukaran membaca. Kandungan bahan bacaan yang menarik minat mereka akan membuatkan murid disleksia lebih bersedia untuk meluangkan masa dan tenaga untuk membaca, meskipun hal itu memerlukan usaha tambahan.

Pada masa yang sama, faktor ekstrintik juga penting bagi mengelak kebosanan semasa membaca buku. Sebagai contoh, penglibatan ibu bapa, adik-beradik atau rakan-rakan dapat meningkatkan motivasi murid untuk membaca bersama-sama. Aktiviti membaca akan lebih seronok sekiranya dilakukan bersama-sama. Murid disleksia berasa disokong dan tidak keseorangan semasa membaca. Sokongan emosi ini boleh mengurangkan rasa cemas dan tekanan, sekali gus menjadikan mereka lebih bersemangat untuk membaca.

JADUAL 3: Daya tumpuan ketika membaca

Murid	Ya	Tidak
M1	✓	
M2	✓	
M3		✓
M4	✓	
M5	✓	



RAJAH 3: Daya tumpuan ketika membaca

Ulang Kaji

Jadual 4 dan Rajah 4 menunjukkan bahawa item mengenai ulang kaji ketika berada di rumah. Seramai tiga orang responden, iaitu M1, M2 dan M5 mengatakan bahawa mereka tidak membaca ketika berada di rumah manakala dua orang responden lagi, iaitu M3 dan M4 membaca ketika berada di rumah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ia merupakan salah satu punca masalah bacaan murid disleksia. Seperti yang kita sedia maklum, sistem jadual di sekolah mempunyai limitasi dalam masa PdP. Murid mempunyai beberapa mata pelajaran dan masa yang terhad bagi setiap mata pelajaran. Oleh yang demikian, masa membaca murid disleksia di sekolah juga terbatas. Murid disleksia perlu mengulang kaji di rumah kerana mereka memerlukan bimbingan dalam bacaan berulang-kali. Masa yang panjang diperlukan untuk mengasah kemahiran membaca mereka. Oleh itu,

ulang kaji di rumah sangat penting bagi kanak-kanak disleksia.

Mengambil iktibar dari kisah seorang pelajar disleksia cemerlang SPM 2022 Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Samad, Muhammad Tufail yang mendapat keputusan 4A, 2A, 1A- dan 2B, ketika ditemu bual oleh wartawan Sinar Bestari, beliau menyatakan bahawa kaedah ulang kaji yang diamalkan sedikit sebanyak membantu dirinya kekal fokus dalam pembelajaran sama ada di sekolah atau di rumah (Azleenda 2023). *“Mengingati Tom Cruise, pelakon Hollywood terkenal yang menghidap disleksia sedikit sebanyak membantu saya bangkit dan bersemangat untuk berdepan dengan cabaran dalam hidup”*, ujar pelajar cemerlang itu. Motivasi dan semangat beliau diharap dapat membantu murid disleksia di luar sana agar terus mengulang kaji di rumah bagi meningkatkan kemahiran membaca khususnya.

JADUAL 4: Ulang kaji

Murid	Ya	Tidak
M1		✓
M2		✓
M3	✓	
M4	✓	
M5		✓



RAJAH 4: Ulang kaji

Faktor Ibu Bapa/Penjaga

Faktor ibu bapa atau penjaga dikaitkan dengan mesosistem yang merangkumi hubungan antara dua atau lebih mikrosistem seperti interaksi antara ibu bapa dan anak. Terdapat empat aspek yang merangkumi faktor ibu bapa/penjaga, iaitu (i) ibu bapa/penjaga memantau

bacaan di rumah, (ii) ibu bapa/penjaga menghantar ke kelas tambahan, (iii) ibu bapa/penjaga membeli bahan bacaan, dan (iv) ibu bapa/penjaga mengajar di rumah. Berikut adalah hasil dapatan kajian mengikut aspek-aspek tersebut.

Ibu Bapa/Penjaga Memantau Aktiviti Bacaan di Rumah

Berdasarkan Jadual 5 dan Rajah 5, empat orang murid, iaitu M1, M2, M4 dan M5 menyatakan bahawa ibu bapa atau penjaga mereka tidak memantau aktiviti bacaan mereka di rumah. Hanya responden M3 sahaja yang dipantau bacaannya oleh ibu atau bapa atau penjaga ketika di rumah. Pengkaji menyimpulkan bahawa faktor masalah bacaan murid disleksia adalah kerana ibu bapa atau penjaga tidak melakukan pemantauan terhadap aktiviti bacaan anak di rumah. Ibu bapa sewajarnya melibatkan diri dalam aktiviti bacaan anak di rumah. Pemantauan yang kerap membantu ibu bapa atau penjaga untuk mengenal pasti jika anak mereka mengalami kesukaran atau memerlukan bantuan tambahan.

Pendidikan awal anak-anak adalah bermula di rumah, sokongan dan dorongan keluarga menjadi asas kepada kejayaan murid di sekolah dan seterusnya. Penglibatan ibu bapa memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan sosial dan kejayaan akademik anak-anak. Sekiranya ibu bapa dapat memantau bacaan anak di rumah, ia dapat membantu anak-anak membaca dengan lebih cepat

dan mudah. Tanpa pemantauan, cabaran membaca mungkin tidak disedari dan menyebabkan masalah tersebut berlarutan tanpa penyelesaian yang sesuai. Kajian oleh Shanti et al. (2019) menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar di sekolah Tamil di Selangor. Aspek seperti pembelajaran di rumah, keibubapaan, pembuat keputusan, dan kesukarelawanan didapati menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik pelajar.

Ibu bapa boleh turut serta membaca bahan bacaan yang sesuai kepada anak-anak. Ini dapat membantu anak-anak memperluaskan perbendaharaan kata, mendengar dengan jelas bagaimana sesuatu perkataan dibunyikan dan membantu anak-anak membaca menggunakan intonasi yang betul. Setelah itu, ibu bapa boleh menyuruh anak mengulang semula bacaan yang telah dibaca. Anak akan lebih mudah memahami apa yang dibacakan dan tidak perlu bersusah-payah cuba meneka perkataan dalam buku. Ia sekaligus dapat menanam minat anak terhadap aktiviti membaca kerana anak-anak tidak berasa tertekan apabila membaca dijadikan aktiviti menyeronokkan bersama keluarga.

JADUAL 5: Ibu bapa/penjaga memantau aktiviti bacaan di rumah

Murid	Ya	Tidak
M1		✓
M2		✓
M3	✓	
M4		✓
M5		✓



RAJAH 5: Ibu bapa/penjaga memantau aktiviti bacaan di rumah

Ibu Bapa/Penjaga Menghantar ke Kelas Tambahan

Berdasarkan Jadual 6 dan Rajah 6, responden M1, M2, M4, dan M5 tidak dihantar ke kelas tambahan oleh ibu bapa atau penjaga mereka. Namun demikian, M3 menyatakan bahawa ibu atau bapa atau penjaga beliau menghantar beliau ke kelas tambahan bagi melancarkan bacaan. Kajian oleh Muhammad Zamzini et al. (2023) menyatakan bahawa murid yang menghadiri kelas tambahan cenderung mempunyai pemahaman yang lebih baik dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kelas tambahan boleh membantu mengukuhkan kemahiran membaca yang dipelajari di sekolah, terutamanya bagi murid disleksia yang memerlukan lebih banyak latihan berulang. Murid disleksia yang menghadiri kelas tambahan khas seperti kelas fonik atau bimbingan pendidikan khas lebih cenderung menunjukkan peningkatan dalam bacaan kerana mereka menerima pendekatan yang lebih individualistik dan berstruktur.

Kajian oleh Chew dan Saidatul Aliah (2023) menekankan bahawa murid yang menerima

bimbingan tambahan di luar waktu sekolah menunjukkan kemajuan yang lebih baik dalam literasi menulis. Presiden Persatuan Disleksia Malaysia (PDM), Jamaliah Rahmat turut menyarankan murid disleksia mendapatkan kelas intensif disleksia dengan segera. Beliau berkata, langkah itu penting, supaya ia tidak mencederakan emosi kanak-kanak dan tidak merendahkan harga diri mereka, apabila tidak mampu menguasai 3M seperti kanak-kanak normal lain di sekolah.

Stigma ibu bapa yang malu kerana anak-anak mereka mengalami masalah disleksia perlu dikikis, kerana mereka hanya berhadapan dengan kekurangan dari segi pembelajaran, namun sekiranya dibantu dengan lebih awal, prestasi mereka dapat ditingkatkan dengan lebih baik. Sekiranya ibu bapa terus berasa malu dan sukar menerima hakikat, mereka mungkin enggan mendapatkan bantuan atau sumber yang sesuai untuk anak mereka. Tanpa sokongan yang tepat, anak yang mengalami disleksia mungkin menghadapi kesukaran untuk belajar dan mencapai potensi mereka sepenuhnya.

JADUAL 6: Ibu bapa/penjaga menghantar ke kelas tambahan

Murid	Ya	Tidak
M1		✓
M2		✓
M3	✓	
M4		✓
M5		✓



RAJAH 6: Ibu bapa/penjaga menghantar ke kelas tambahan

Ibu Bapa/Penjaga Membeli Bahan Bacaan

Berdasarkan Jadual 7 dan Rajah 7, M1, M3 dan M4 mempunyai bahan bacaan yang dibeli oleh ibu atau bapa atau penjaga di rumah, manakala M2 dan M5 tidak mempunyai bahan bacaan di rumah kerana tidak disediakan. Majoriti responden mempunyai bahan bacaan yang dibeli oleh ibu bapa/penjaga. Tindakan membeli bahan bacaan untuk anak-anak merupakan tindakan yang perlu dipuji kerana ia sewajarnya dilakukan oleh setiap ibu bapa. Ibu bapa boleh memberi peluang kepada anak untuk memilih buku yang digemari. Membaca bahan yang menarik dapat memberi pengalaman menarik dan positif yang boleh membantu mereka menganggap aktiviti bacaan bukan suatu beban, tetapi ia satu perkara yang menyeronokkan.

Walau bagaimanapun, ibu bapa perlu pastikan buku-buku yang dibeli adalah bersesuaian dengan umur dan tahap pembelajaran mereka. Ketika membaca bahan yang mereka gemari, anak-anak yang mengalami disleksia akan lebih cenderung

berlatih tanpa rasa terpaksa. Latihan membaca yang konsisten membantu mereka membina kemahiran membaca secara beransur-ansur dan meningkatkan kelancaran bacaan mereka dari semasa ke semasa. Membeli bahan bacaan yang dipilih oleh anak-anak disleksia langkah penting dalam menyokong perkembangan anak disleksia secara lebih holistik dan efisien (Zamri et al. 2021).

Murid yang mempunyai lebih banyak pendedahan kepada bahan bacaan di rumah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran membaca dan menulis. Bahan bacaan yang sesuai dapat membantu murid disleksia mengembangkan kemahiran membaca mereka dengan lebih baik. Buku yang menggunakan pendekatan multisensori seperti buku interaktif dengan teks bercetak besar atau disertai audio, boleh membantu mereka memahami bacaan dengan lebih berkesan. Ibu bapa yang membeli bahan bacaan yang sesuai boleh membantu murid disleksia meningkatkan motivasi membaca dan mengukuhkan kemahiran mereka (Chew & Saidatul Aliah 2023).

JADUAL 7: Ibu bapa/penjaga membeli bahan bacaan

Murid	Ya	Tidak
M1	✓	
M2		✓
M3	✓	
M4	✓	
M5		✓



RAJAH 7: Ibu bapa/penjaga membeli bahan bacaan

Ibu Bapa/Penjaga Mengajar di Rumah

Jadual 8 dan Rajah 8 menunjukkan data mengenai keprihatinan ibu atau bapa atau penjaga di rumah. M1, M2, dan M4 sahaja suka diajar membaca ketika di rumah, manakala M3 dan M5 enggan diajar membaca oleh ibu bapa atau penjaga semasa berada di rumah. Kebiasaannya, setiap anak lebih suka sekiranya bapa mereka berperanan menjadi ‘guru’ mereka di rumah. Ibu bapa sememangnya layak menjadi individu paling disukai anak-anak dalam mendidik mereka dalam pembelajaran. Ibu bapa yang mengambil inisiatif untuk mengajar di rumah boleh membantu mengukuhkan apa yang diajarkan oleh guru di sekolah, menjadikan pembelajaran lebih berkesan (Muhammad Zamzini et al. 2023).

Semasa mengajar membaca di rumah, ibu bapa boleh memantau bacaan anak-anak. Jika anak melakukan kesalahan dalam bacaan, ibu bapa boleh menegur akan kesalahan tersebut dengan menjelaskan perkataan itu selepas beberapa saat anak tidak mampu menyebut perkataan dengan betul. Sekiranya anak berjaya membaca perkataan yang sukar atau membaca dengan lancar, ibu bapa

boleh memberikan pujian dan kata-kata untuk menyuntik semangat anak-anak supaya terus membaca. Selain itu, ibu bapa juga boleh membaca bersama anak-anak dengan kelajuan yang perlahan. Menurut Zamri dan Ugartini (2022), sokongan ibu bapa sangat penting kerana mereka boleh membantu anak-anak mereka dengan teknik bacaan berulang, penggunaan bahan fonik, dan aktiviti membaca yang menyeronokkan.

Penglibatan ibu bapa secara aktif memberi pengalaman positif kepada anak-anak semasa belajar di rumah (Chew & Saidatul Aliah 2023). Pembelajaran di rumah yang menyeronokkan dapat menanam minat membaca dalam diri anak-anak dan meningkatkan kemahiran bacaan mereka. Persekitaran yang tenang dan tidak tertekan semasa di rumah membuatkan mereka berasa lebih selesa untuk melakukan aktiviti bacaan. Rangka aktiviti yang menyeronokkan dapat mengelakkan rasa bosan semasa aktiviti membaca dilakukan bersama. Pembelajaran bersama ibu bapa bukan sahaja meningkatkan kemahiran akademik anak-anak, tetapi juga dapat mempererat hubungan antara ibu bapa dan anak-anak.

JADUAL 8: Ibu bapa/penjaga mengajar di rumah

Murid	Ya	Tidak
M1	✓	
M2	✓	
M3		✓
M4	✓	
M5		✓



RAJAH 8: Ibu bapa/penjaga mengajar di rumah

Faktor Persekitaran

Akhir sekali, faktor persekitaran pula dikaitkan dengan ekosistem dan makrosistem yang merangkumi faktor luaran yang memberi kesan tidak langsung kepada individu seperti ruang pembelajaran. Terdapat empat aspek yang merangkumi faktor persekitaran, iaitu (i)

persekitaran rumah yang bising, (ii) tidak cukup masa untuk membaca, (iii) perlu menyiapkan kerja sekolah yang banyak, dan (iv) menonton televisyen lebih menarik berbanding membaca. Berikut adalah hasil dapatan kajian mengikut aspek-aspek tersebut.

Persekitaran Rumah yang Bising

Berdasarkan Jadual 9 dan Rajah 9, terdapat seorang responden, iaitu M5 yang menyatakan bahawa persekitaran di rumah beliau bising. Gangguan tersebut adalah kerana beliau mempunyai beberapa adik yang masih kecil. Manakala responden M1, M2, M3, dan M4 tidak mengalami gangguan

tersebut. Menurut Zuraidah et al. (2019), hasil dapatan kajian menyatakan bahawa faktor rumah murid yang kecil dan bising seperti ketiadaan ruang membaca atau bilik asing tidak dapat memberi suasana yang kondusif untuk murid menelaah. Rentetan itu, murid lebih banyak membuang masa dengan aktiviti tidak sihat seperti melepak di luar rumah.

JADUAL 9: Persekitaran rumah yang bising

Murid	Ya	Tidak
M1		✓
M2		✓
M3		✓
M4		✓
M5	✓	



RAJAH 9: Persekitaran rumah yang bising

Tidak Cukup Masa untuk Membaca

Berdasarkan Jadual 10 dan Rajah 10, kelima-lima responden murid disleksia menyatakan bahawa mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk membaca di rumah. Masalah bacaan mereka bukanlah berpunca daripada masa yang tidak cukup di rumah. Hal ini bermaksud mereka mempunyai masa terluang yang cukup untuk membaca, namun mereka tidak mengambil peluang tersebut untuk membaca atau mengulang kaji di rumah. Murid disleksia sering diberikan masa tambahan untuk membaca dan mengulang kaji pelajaran di rumah. Masa tambahan ini bertujuan untuk membantu mereka memahami bahan bacaan dengan lebih baik kerana mereka mungkin memerlukan lebih banyak masa berbanding murid lain. Walau bagaimanapun, ramai dalam kalangan murid disleksia tidak

memanfaatkan masa ini dengan sebaiknya. Seperti yang telah dibincangkan, murid disleksia mungkin menghadapi kesukaran seperti kekurangan motivasi atau gangguan di rumah yang menyebabkan mereka tidak dapat fokus pada pembelajaran. Kekurangan motivasi dan perhatian di rumah boleh menyebabkan murid tidak memanfaatkan masa tambahan yang diberikan untuk belajar membaca (Nur Syamira & Harun 2021).

Oleh yang demikian, ibu bapa atau penjaga, guru, dan kaunselor perlu memberi sokongan dan panduan kepada murid disleksia agar mereka dapat memanfaatkan masa yang ada untuk memperbaiki kemahiran membaca dan pemahaman mereka. Ibu bapa juga perlu sentiasa mengingatkan anak-anak supaya mengulang kaji di rumah dan menjaga disiplin agar dapat meningkatkan penguasaan kemahiran dalam membaca.

JADUAL 10: Tidak cukup masa untuk membaca

Murid	Ya	Tidak
M1		✓
M2		✓
M3		✓
M4		✓
M5		✓



RAJAH 10: Tidak cukup masa untuk membaca

Perlu Menyiapkan Kerja Sekolah yang Banyak

Berdasarkan Jadual 11 dan Rajah 11, kelima-lima responden murid disleksia tidak dibebani oleh kerja sekolah yang banyak dari mata pelajaran lain di sekolah. Oleh yang demikian, faktor ini tidak menjadi punca masalah bacaan disleksia. Kebiasaannya, murid disleksia tidak dibebani dengan kerja sekolah yang terlalu banyak. Hal ini demikian kerana mereka menghadapi cabaran unik dalam membaca, menulis, dan memahami arahan, yang memerlukan masa lebih lama untuk menyelesaikan tugas berbanding murid lain. Guru biasanya akan menyesuaikan jumlah kerja sekolah mereka supaya ia lebih bersesuaian dengan kemampuan murid disleksia dan membolehkan

mereka fokus kepada kualiti pemahaman, bukan hanya kuantiti tugasan semata-mata.

Berdasarkan Buku Panduan Pendidikan Khas untuk Ibu Bapa dan Guru-guru, guru-guru perlu menekankan kepentingan penyesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan individu murid (Jabatan Pendidikan Khas 2022). Pendekatan ini penting kerana kerja sekolah yang terlalu banyak boleh menimbulkan tekanan yang berlebihan kepada murid disleksia. Tekanan ini boleh memberi kesan negatif terhadap motivasi dan keyakinan diri mereka, serta menjejaskan perkembangan kemahiran asas yang mereka perlukan. Oleh itu, memberikan kerja sekolah yang sesuai dari segi jumlah dan tahap kesukaran dapat membantu murid disleksia berkembang dalam pembelajaran mereka tanpa merasa terbeban. Oleh yang demikian, murid disleksia perlu mengambil

peluang tersebut dengan memanfaatkan masa di rumah dengan mengulang kaji. Ruang yang

diberikan oleh guru perlu digunakan sebaiknya dan diisi dengan aktiviti ilmiah seperti membaca.

JADUAL 11: Perlu menyiapkan kerja sekolah yang banyak

Murid	Ya	Tidak
M1		✓
M2		✓
M3		✓
M4		✓
M5		✓



RAJAH 11: Perlu menyiapkan kerja sekolah yang banyak

Menonton Televisyen Lebih Menarik Berbanding Membaca

Berdasarkan Jadual 12 dan Rajah 12, tiga orang responden, iaitu M1, M4, dan M5 mengakui bahawa menonton televisyen lebih menarik dilakukan berbanding melakukan aktiviti membaca. Responden M2 dan M3 pula lebih gemar membaca berbanding menonton televisyen. Minat terhadap buku akademik sangat penting untuk menyemai semangat dan keupayaan membaca kerana ia akan memudahkan seseorang itu mengalami proses pembacaannya. Dapatan ini dikukuhkan dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Nazurana et al. pada tahun 2019 yang menyatakan bahawa murid menunjukkan sikap kurang minat terhadap buku akademik. Hasil temu bual bersama ibu bapa pelajar mendapati responden lebih gemar menonton rancangan televisyen berbanding meluangkan masa untuk membaca buku terutamanya buku akademik.

Responden turut mengakui bahawa mereka lebih tertarik dengan bahan bacaan berunsur hiburan seperti komik. Begitu juga dengan menonton televisyen, terdapat banyak rancangan yang menghiburkan berbanding isi kandungan yang terdapat pada bahan bacaan ilmiah. Menonton

televisyen tidak memerlukan kemahiran membaca yang tinggi dan mereka dapat memperoleh maklumat melalui visual dan audio tanpa perlu menghadapi kesukaran membaca yang sering mereka hadapi. Melalui rancangan televisyen, mereka boleh memahami konsep atau cerita dengan lebih mudah kerana ia disampaikan dalam bentuk yang lebih menarik dan tidak melibatkan bacaan yang berat atau sukar.

Selain itu, menonton televisyen juga membolehkan murid disleksia belajar mengikut rentak mereka sendiri tanpa tekanan untuk mengejar pemahaman bacaan. Hal ini membuatkan mereka berasa lebih santai dan selesa. Jika bahan bacaan tidak disesuaikan dengan gaya pembelajaran mereka, mereka akan mencari hiburan lain seperti televisyen yang lebih mudah difahami secara visual dan auditori (Zamri & Ugartini 2022). Oleh itu, ibu bapa dan guru boleh cuba menggunakan sumber pembelajaran interaktif bagi menarik minat murid disleksia dalam membaca seperti menyediakan buku audio, video pendidikan, atau aplikasi pembelajaran digital yang menggunakan visual dan animasi. Langkah ini dapat membantu mereka memahami konsep ilmiah dengan lebih mudah tanpa perlu bergantung sepenuhnya pada teks.

JADUAL 12: Menonton televisyen lebih menarik berbanding membaca

Murid	Ya	Tidak
M1	✓	
M2		✓
M3		✓
M4	✓	
M5	✓	



RAJAH 12: Menonton televisyen lebih menarik berbanding membaca

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati majoriti responden menghadapi masalah bacaan kerana tidak tahu membaca, tidak gemar membaca, merasa bosan ketika membaca dan tidak mengulang kaji di rumah. Hal tersebut membuktikan bahawa murid-murid tersebut tidak mempunyai semangat dan motivasi dalam diri masing-masing. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan ibu bapa/penjaga tidak memantau bacaan anak-anak di rumah dan tidak menghantar anak-anak ke kelas tambahan. Ibu bapa sewajarnya memantau pelajaran anak-anak bagi memastikan mereka mendapat pendidikan yang betul. Namun demikian, sekiranya ibu bapa tidak mempunyai masa yang panjang kerana tuntutan kerja, ibu bapa boleh menghantar anak-

anak ke kelas tambahan. Selain itu, faktor persekitaran yang mempengaruhi murid disleksia ialah mereka lebih gemar menonton televisyen berbanding membaca bahan-bahan ilmiah.

Implikasinya, kajian ini dapat menghuraikan faktor-faktor yang menjadi punca masalah bacaan murid disleksia dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Bagi mengatasi masalah yang berlaku, semua pihak perlu berkerjasama khususnya ibu bapa atau penjaga. Hal ini demikian kerana ibu bapa adalah individu terdekat yang bersama murid sepanjang hari. Ibu bapa perlu sentiasa prihatin dengan perkembangan dan prestasi anak-anak dalam pelajaran.

RUJUKAN

- Anis Farhana Mohd Kassim, Azlina Mohd Khir & Mohd Ziyad Afiq Zaharim. 2019. Motivasi membaca, persekitaran membaca di rumah dan sikap membaca dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(6): 92-100.
- Azleenda Salahudin. 2023. Disleksia bukan halangan raih keputusan cemerlang SPM 2022. *Sinar Bestari*. Dicapai daripada https://sinarbestari-sinarharian.com.my.cdn.ampproject.org/v/s/sinarbestari.sinarharian.com.my/ampArticle/181718?amp_gsa=1&js_v=a9&usqp=mq331AQIUAKwASCAAgM%3D#amp_tf=From%20%251%24s&aoh=17304019184529&referrer=https%3A%2F%2Fwww.google.com&share=https%3A%2F%2Fsinarbestari.sinarharian.com.my%2Fsekolah-menengah%2Fdisleksia-bukan-halangan-raih-keputusan-cemerlang-spm-2022 (27 Februari 2025)
- Blagovesta, T. 2016. Helping Learners with Dyslexia Read in English. *English Studies at NBU*, 1(1): 63-71.
- Castle, K. 2015. Motivation to read: A study of three primary age students. Education and Human Development Master Thesis. Dicapai daripada <https://www.semanticscholar.org/paper/Motivation-to-Read%3A-A-Study-of-Three-Primary-Age-Castle/244a3a436f03afbbaad837b3dbce3547f290612b> (28 Februari 2025)
- Kavenia, K. & Vijayaletchumy, S. 2022. Kesalahan bacaan dalam bahasa Melayu oleh murid disleksia berdasarkan perspektif Teori Levinson. *Seminar Antarabangsa Lingusitik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-11*, hlm. 219-238.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Garis panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas*. Edisi 2018. Cetakan

- Pertama. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2022. *Buku Panduan Pendidikan Khas untuk Ibu Bapa dan Guru*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Khas.
- Mohd Azmi Matsuki. 2022. Amalan Program Cakna Emosi (ProCaksi) dalam kalangan ibu bapa murid disleksia di Sekolah Kebangsaan Alor Gajah 1, Melaka. *Buku Amalan Terbaik dalam Pendidikan Khas dan Inklusif (Negeri Melaka)*. Seameo Sen dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, 1(1): 239-247
- Mohd Razimi Husin, Muhammad Farhan Suhaimi, Suhaila Md Jamil & Nurul Natasha Azmi. 2020. Masalah pembelajaran untuk pelajar pendidikan khas: Dana dan prasarana. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 3(1): 1-10.
- Muhammad Zamzini Mohd Zamani et al. 2023. Cabaran dan persediaan guru dalam PdP bahasa Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 14(2): 172-184.
- Nur Syamira & Harun Baharudin. 2021. Masalah murid disleksia dan gaya pengajaran guru dalam pembelajaran bahasa Arab. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(2): 26-44.
- Olivia, G. 2024. Bronfenbrenner's Ecological Systems Theory. *Simply Psychology*. Dicapai daripada <https://www.simplypsychology.org/bronfenbrenner.html> (18 Februari 2025)
- Sepriani Timurtini. 2022. Kenali ciri-ciri anak disleksia berdasarkan usia. *Klik Dokter*. Dicapai daripada <https://www.klikdokter.com/ibu-anak/kesehatan-anak/kenali-ciri-ciri-anak-disleksia-berdasarkan-usia> (19 Februari 2025)
- Shanti Ramalingam, Mahendran Maniam & Gunasegaran Karuppanan. 2019. Penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar sekolah Tamil di Selangor. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(3): 308-323.
- Siti Hawa Omar & Nur Husna Mohd Hussain. 2019. Hubungan antara motivasi ekstrinsik dan intrinsik terhadap prestasi kakitangan pentadbiran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Proceeding of the 6th International Conference on Management and Muamalah 2019*.
- Siti Nazurina Konaen, Fadzilah Abd Rahman & Samsiah Roslan. 2019. Meneroka sikap dan motivasi murid rendah pencapaian bahasa Melayu: Satu kajian kes di FELDA. *International Journal of Education and Training*, 5(1): 1-9.
- Suzita Samsudin & Aliza Alias. 2021. Pengetahuan terhadap disleksia dalam kalangan ibu bapa di sebuah sekolah rendah. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(21): 201-213.
- Ugwu, C.J. 2015. *Special Education. Study of Differences*. 2nd Edition. Rivers State, Nigeria: TND Press Ltd.
- Zaliza Zubir, Mahfuzan Md Daud & Ahmad Hifzurrahman Ridzuan. 2014. Disleksia dalam aspek bacaan bahasa Melayu. *Centre of International Language*. Kangar: Universiti Malaysia Perlis.
- Zamri Mahamod & Ugartini Magesvaran. 2022. Tahap Penguasaan Membaca dan Menulis Murid B40. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(1): 10-21.
- Zamri Mahamod, Rohaida Mazalan, Norziah Amin & Mohd Zaki Abd Rahman. 2021. Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dalam pembelajaran bahasa Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1): 40-62.
- Zuraidah Abdullah, Siti Nafsiah Shafee, Mohd Shahril Nizam Shaharom & Muhammad Faiza A. Ghani. 2019. Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan*, 6(2): 44-70.